



Oleh **PROF. MADYA DR. MOHAMAD FAZLI SABRI**

## Kos pendidikan dijangka meningkat

PENDIDIKAN memainkan peranan penting untuk mencapai hidup yang berkualiti kerana ia merupakan antara petunjuk terpenting dalam kualiti hidup manusia.

Kepentingannya diterjemah menerusi Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dengan pendidikan merupakan salah satu daripada 11 komponen dalam pengukuran IKHM.

Terdapat tujuh indikator yang digunakan untuk mengukur pencapaian pendidikan dan salah satu adalah menerusi kadar penyertaan tertiar.

Sistem pendidikan negara pada masa ini mewajibkan pendidikan rendah dan menengah yang dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Bagaimanapun, pengajian tinggi adalah bersifat pilihan kerana individu boleh memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi atau memasuki alam pekerjaan.

Memiliki pendidikan tinggi merupakan satu bentuk pelaburan yang boleh meningkatkan keupayaan seseorang individu untuk bersaing merebut peluang kerjaya dan pendapatan lebih baik.

Pendidikan tinggi di negara ini tidak diberi secara percuma dan seharusnya ia dilihat sebagai tanggungjawab keluarga dan ibu bapa.

Kos pendidikan dijangka terus meningkat rentetan kenaikan kos sara hidup dan ia turut dipengaruhi oleh kadar inflasi semasa.

Umumnya, yuran pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) sekitar RM4,000 ke RM5,000 setahun (tidak mengambil kira subsidi kerajaan kepada pelajar).

Jumlah keseluruhan untuk tempoh empat tahun pengajian adalah sebanyak RM16,000 hingga RM20,000 mengikut bidang pengajian yang diambil.

Relatifnya yuran pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) jauh lebih tinggi iaitu sekitar RM12,000 hingga RM18,000 setahun (bergantung bidang pengajian yang diambil).

Jumlah keseluruhan yang perlu dibiayai untuk tempoh empat tahun pengajian adalah sebanyak RM48,000 hingga RM72,000.

Andaikan kadar inflasi yuran pengajian meningkat sebanyak empat peratus setahun, berapakah kos pengajian tinggi dalam tempoh 10 tahun dari sekarang untuk melanjutkan pendidikan tinggi sama ada di IPTA atau PTS?

Bagi memudahkan perbincangan lihat kepada analisis yang dilakukan.

Kos keseluruhan yuran pengajian di IPTA untuk tempoh empat tahun pengajian dalam masa 10 tahun akan datang (2029) dengan kadar inflasi sebanyak 4 peratus. Andaikan keluarga akan


membayar sebanyak 10 peratus kos menggunakan simpanan sendiri dijangka meningkat daripada RM16,000 kepada RM25,143.

Kos melanjutkan pengajian di PTS dijangka meningkat daripada RM12,000 kepada RM75,430 untuk tempoh empat tahun pengajian dalam masa 10 tahun (2029) dengan andaian sama.

Berdasarkan senario di atas, kos pendidikan tinggi dijangka meningkat dan pastinya membebankan keluarga.

Menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menyediakan pendidikan terbaik kepada anak-anak.

Sehubungan itu, ia memerlukan perancangan awal dan sistematis kerana kos mendapatkan pendidikan tinggi menuntut perbelanjaan besar.



**KEWANGAN  
PERIBADI**

Penulis ialah Timbalan Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia dan Ahli Majlis Kebangsaan, Majlis Perancangan Kewangan Malaysia.